

Malaysia Melangkah Ke Hadapan

**9 Cabaran
Menjelang 2020**

Oleh Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad

KITA berharap rakyat Malaysia yang lahir hari ini dan beberapa tahun yang akan datang akan merupakan angkatan terakhir yang masih hidup dalam negara yang disebut 'membangun'. Matlamat terakhir yang sepatutnya kita cita-citakan adalah pembentukan sebuah negara Malaysia yang benar-benar maju menjelang tahun 2020 Masihi.

Anda mungkin bertanya; Apakah yang dimaksudkan dengan negara yang benar-benar maju? Apakah kita ingin menjadi seperti salah sebuah daripada 19 buah negara yang kini secara umumnya dianggap 'negara-negara maju'? Apakah kita hendak menjadi seperti United King-

"Malaysia tidak harus menjadi negara yang maju dari segi ekonomi semata-mata. Kita hendaklah mencapai kemajuan sepenuhnya dari segi perpaduan negara dan kesepaduan dan keadilan sosial, kestabilan politik, kerohanian dan keyakinan terhadap bangsa sendiri."

dom, seperti Kanada, seperti Belanda, seperti Sweden, seperti Finland, seperti Jepun? Nyatalah bahawa tiap satu daripada 19 buah negara itu, daripada lebih 160 buah negara dalam komuniti dunia, mempunyai beberapa keistimewaan. Namun tiap satunya juga mempunyai beberapa kelemahan. Tanpa menjadi tiruan negara-negara tersebut, kita tetap dapat menjadi negara yang maju. Kita perlu menjadi negara yang maju menurut acuan kita sendiri.

Malaysia tidaklah harus menjadi negara yang maju dari segi ekonominya semata-mata. Negara kita mestilah menjadi negara maju dari segala segi: dari segi ekonomi, politik, sosial, kerohanian, kejiwaan dan kebudayaan. Kita hendaklah mencapai kemajuan sepenuhnya dari segi perpaduan negara dan kesepaduan sosial, dari segi ekonomi, keadilan sosial, kesta-

bilan politik, sistem pemerintahan, mutu kehidupan, nilai-nilai sosial dan kerohanian, selain mempunyai rasa bangga dan keyakinan terhadap bangsa sendiri.

Malaysia sebagai negara yang benar-benar maju - Satu definisi

Menjelang tahun 2020, Malaysia boleh menjadi sebuah negara yang bersatu padu, dengan masyarakat Malaysia mempunyai rasa keyakinan diri, ditunjangi oleh nilai-nilai moral dan etika yang utuh, menikmati kehidupan dalam sebuah ma-

sarakat yang demokratis, liberal lagi bertolak ansur, berbudi, adil dan saksama ekonominya, progresif dan makmur, dan sepenuhnya menguasai ekonomi yang mampu bersaing, dinamis, tangkas serta mempunyai daya ketahanan.

Malaysia yang benar-benar maju tidak akan kunjung tercapai sehingga kita akhirnya kelak dapat mengatasi sembilan cabaran asasi yang strategis yang telah kita hadapi sejak negara ini lahir sebagai sebuah negara merdeka.

Cabaran yang pertama adalah membentuk sebuah negara bangsa yang bersatu padu serta menentukan masa hadapan yang diperkongsi bersama. Bangsa itu mestilah sejahtera, terintegrasi wilayah-wilayah dan kelompok-kelompok etniknya, menikmati kehidupan bersama yang sepenuhnya berasaskan persamaan hak dan keadilan, membentuk sebuah 'Bangsa Malaysia' dengan rasa taat setia dan pengabdian yang tidak berbelah bahagi terhadap bangsa tersebut.

Cabaran kedua ialah melahirkan sebuah masyarakat Malaysia yang bebas, teguh dan telah terbentuk jiwanya, yakin akan dirinya sendiri, bangga akan keadaannya kini dan segala sesuatu yang telah dicapainya, dan cukup tangkas untuk menghadapi segala macam rintangan. Masyarakat Malaysia itu mestilah mem-

punyai sifat-sifat mengejar kecemerlangan, benar-benar menyedari segala kemungkinan dirinya, tidak terkongkong jiwanya, dan dihormati pula oleh semua bangsa lain.

Cabaran ketiga yang sentiasa kita hadapi adalah cabaran membentuk dan memperkembang sebuah masyarakat demokratis yang matang, yang mengamalkan satu bentuk demokrasi Malaysia yang unggul, berasaskan muafakat dan musyawarah, dan dapat pula dicontohi oleh negara-negara membangun yang lain.

Cabaran keempat ialah membentuk sebuah masyarakat yang kukuh ciri-ciri moral dan etikanya, dengan paraarganya mempunyai nilai keagamaan dan kerohanian yang utuh, dan ditunjangi oleh budi pekerti yang luhur.

Cabaran kelima yang terus menerus kita hadapi adalah membentuk sebuah masyarakat matang yang bersifat liberal lagi toleran, dengan setiap warga bangsa Malaysia, tanpa mengira keturunan mahupun kepercayaannya, bebas mengamalkan dan melaksanakan adat resam, kebudayaan serta kepercayaan agamanya masing-masing, tanpa merasa tersisih daripada bangsa tersebut.

Cabaran keenam adalah membentuk sebuah masyarakat yang bersifat sains serta progresif, berdaya cipta dan berpandangan jauh ke hari muka, yakni sebuah masyarakat yang bukan sahaja dapat memanfaatkan teknologi kini tetapi turut menjadi penyumbang terhadap pembentukan peradaban sains dan teknologi pada masa hadapan.

Cabaran ketujuh adalah membentuk sebuah masyarakat berbudi dan berbudaya penyayang, sebuah sistem sosial yang lebih mementingkan masyarakat daripada diri sendiri, dengan kebajikan rakyat tidak diasaskan pada negara mahupun individu, tetapi pada sistem kekeluargaan yang kukuh lagi mantap.

Cabaran kedelapan adalah menjamin terbentuknya sebuah masyarakat yang adil ekonominya. Masyarakat itu akan menjamin pengagihan kekayaan negara secara adil lagi saksama, dengan kemajuan ekonomi dinikmati bersama oleh setiap rakyat. Masyarakat yang demikian tidak akan terbentuk selagi terdapat penentuan fungsi ekonomi berdasarkan kaum dan pemusatan kemunduran ekonomi kepada kelompok-kelompok kaum yang tertentu.

Cabaran kesembilan adalah membentuk sebuah masyarakat yang makmur, dengan ekonomi yang mampu menghadapi persaingan, bersifat dinamis, tangkas dan mempunyai daya ketahanan.

Cabaran asasi

Banyak yang telah kita capai dalam usaha melaksanakan matlamat-matlamat

tersebut. Sembilan objektif utama ini tidaklah semestinya tersenarai menurut urutan keutamaan kita bagi tiga dasawarsa yang akan datang. Nyatalah bahawa keutamaan bagi sesuatu titik waktu yang tertentu perlu didasarkan pada keadaan khusus zaman itu sendiri.

Namun demikian, amatlah besar kemungkinannya bahawa cabaran strategi pertama yang saya kemukakan itu — yakni pembentukan bangsa Malaysia yang bersatu padu — akan merupakan cabaran yang paling utama, dan yang paling asasi.

Oleh kerana sebahagian besar pembicaraan ini akan tertumpu kepada pembangunan ekonomi, maka biarlah saya tekankan sekali lagi bahawa wawasan tentang pembangunan yang menyeluruh ke arah terbentuknya masyarakat maju yang kita hasratkan itu — betapapun rupa takrifan yang ingin dikemukakan oleh tiap seorang daripada kita — tidaklah harus bermakna kemajuan kebendaan dan ekonomi semata-mata. Sekali-kali tidak. Pembangunan ekonomi tidaklah harus dijadikan matlamat tunggal lagi mutlak cita-cita kebangsaan kita.

Oleh kerana majlis ini perlu menumpukan perhatiannya kepada persoalan-persoalan pembangunan ekonomi dan keadilan sosial yang berbentuk ekonomi — dua bidang pertumbuhan negara yang perlu berjalan seiring dalam masa beberapa tahun yang akan datang — maka izinkanlah saya dengan lebih terperinci menghuraikan tanggapan saya tentang cabaran-cabaran strategi utama yang ada hubungannya dengan dua matlamat yang amat penting ini.

Amatlah sesuai rasanya, pada ketika ini, dikemukakan takrif yang terperinci tentang matlamat membentuk sebuah masyarakat yang adil ekonominya.

Daripada matlamat serampang dua mata DEB, tidaklah ada sesiapa yang membantah cita-cita menghapuskan kemiskinan mutlak — tanpa mengira bangsa keturunan mahupun lokasi wilayahnya. Semua rakyat Malaysia — baik yang tinggal di luar bandar mahupun di kawasan bandar, baik yang tinggal di selatan, utara, timur mahupun barat — hendaklah dilepaskan daripada himpitan garis kemiskinan mutlak.

Negara ini mestilah mampu menyediakan makanan yang secukupnya untuk rakyat, supaya tidak seorang pun rakyat Malaysia terpaksa menanggung penderitaan kekurangan zat. Kita mestilah menyediakan kemudahan yang secukupnya dari segi tempat berlindung, perkhidmatan perubatan, dan segala keperluan asas yang lainnya. Negara Malaysia yang maju mestilah mempunyai golongan menengah yang agak besar lagi giat, dan mestilah menyediakan peluang-peluang yang secukupnya untuk memungkinkan

golongan yang paling terke bawah dalam masyarakat ini melepaskan dirinya daripada perangkap kemiskinan.

Mata serampang yang kedua — yakni menghapuskan ikatan sesuatu kelompok kaum dengan fungsi-fungsi ekonomi asas yang tertentu — juga dapat diterima, meskipun ada pihak yang beranggapan bahawa hal ini dapat dicapai tanpa melakukan beberapa perombakan kedudukan. Jika kita menginginkan sebuah masyarakat yang saksama, maka beberapa tindakan pendorongan perlulah kita terima. Dalam semua sektor pekerjaan yang utama lagi penting mestilah terdapat satu

aduan saksama yang terdiri daripada kelompok-kelompok etnik yang menganggotai negara Malaysia. Melalui cara-cara yang sah, kita hendaklah berusaha memastikan terdapatnya imbalan yang wajar dalam bidang-bidang iktisad dan semua jenis pekerjaan yang utama. Kita semestinya juga memberikan perhatian terhadap mutu dan kecemerlangan. Namun kita juga mestilah berusaha memastikan terbentuknya secara sihat sebuah komuniti perdagangan dan industri bumiputera yang mantap lagi tangkas.

Negara Malaysia yang maju tidaklah harus merupakan sebuah masyarakat yang kemunduran ekonominya secara khusus dihubungkan dengan sesuatu kelompok kaum. Namun ini tidaklah pula bererti bahawa kita menyarankan kesamarataan pendapatan peribadi, yakni setiap orang rakyat Malaysia memperoleh pendapatan yang sama. Keadaan ini tidaklah mungkin tercapai, kerana — berdasarkan upaya kita sendiri, asuhan yang telah kita peroleh dan kegemaran-kegemaran kita sendiri — tiap seorang daripada kita mempunyai nilai ekonomi yang berbeza dan akan memperoleh ganjaran yang berbeza pula. Kesamarataan pendapatan peribadi, seperti yang disarankan oleh para penganut fahaman sosialis dan komunis, bukan sahaja tidak mungkin

tercapai, malah sebenarnya tidak wajar dan akan mendatangkan mudarat.

Namun demikian, saya berkeyakinan bahawa langkah memperkecil jurang pendapatan kelompok-kelompok etnik — melalui pengagihan khidmat-khidmat sosial dan prasarana yang lebih saksama, melalui pembangunan budaya ekonomi yang sesuai dan melalui pembentukan sumber tenaga manusia yang menyeluruh — merupakan langkah yang wajib lagi wajar. Hasrat kita ialah: menjelang tahun 2020 nanti kita telah tiba ke tahap yang tidak memungkinkan lagi sesiapa menyatakan bahawa sesuatu kelompok etnik itu secara mutlak mundur ekonominya, dan kelompok etnik yang lain pula secara mutlak maju ekonominya. Pencapaian keadaan demikianlah yang mesti kita usahakan — dengan cekap, dengan berkesan, dengan keadilan dan dengan kegigihan.

'Perkongsian sepenuhnya kemajuan ekonomi' tidak harus bermakna perkongsian sepenuhnya untuk menderitai kemiskinan. Gagasan tersebut mestilah membawa maksud imbalan yang adil di kalangan kelompok-kelompok etnik — termasuklah kelompok-kelompok bumiputera di Sabah dan Sarawak — dari segi penyertaan dan sumbangan terhadap sektor-sektor moden yang pesat pertumbuhannya dalam ekonomi kita. Gagasan itu mestilah bermakna pengagihan yang adil dari segi penguasaan, pengawasan dan pemilihan dalam ekonomi moden.

Demi mencapai pembentukan masyarakat yang adil ekonominya ini, mestilah perlulah kita dengan bersungguh-sungguh mempergiatkan rancangan pembangunan sumber tenaga manusia kebangsaan. Kita perlu memastikan terbentuknya komuniti bumiputera yang mempunyai sifat ketahanan ekonomi dan mampu bersaing, supaya mereka berdisa sama tinggi dengan komuniti-komuniti bukan bumiputera. Sebuah revolusi pemikiran dan transformasi budaya amatlah diperlukan. Sebahagian besarnya upaya mengorak langkah yang pertama mestilah dilakukan oleh kita sendiri. Dalam usaha kita membetulkan keadaan ekonomi yang tidak seimbang, kita perlulah memberikan perhatian yang sepenuhnya terhadap upaya mencapai kemajuan yang dihasratkan dalam waktu yang se singkat mungkin dan dengan hasil yang sebesar mungkin — yakni dengan kesan yang paling sedikit terhadap ekonomi dan masyarakat.

Mengenai pembentukan masyarakat yang makmur, kita memanglah dapat mengadakan pelbagai matlamat yang dihasratkan. Saya berpendapat bahawa kita hendaklah berusaha mencapai matlamat yang realistik (bukannya yang sekadar dihasratkan) untuk hampir-hampir melipatgandakan keluaran dalam neg-

kasar yang sebenarnya setiap 10 tahun sekali, antara tahun 1990 dan 2020 Masihi. Jika ini dapat kita lakukan, maka KDNK kita dikirakan akan berjumlah kira-kira delapan kali ganda menjelang tahun 2020, berbanding dengan tahun 1990. KDNK kita pada tahun 1990 adalah 115 bilion Ringgit. Oleh yang demikian, KDNK kita pada tahun 2020 akan berjumlah kira-kira 920 bilion Ringgit dalam perkiraan (Ringgit 1990) yang sebenarnya.

Pertumbuhan yang pesat ini memerlukan kita berkembang menurut kadar purata kira-kira 7 peratus (dalam perkiraan sebenarnya) setahun dalam masa 30 tahun yang akan datang. Memanglah diakui bahawa pelunjuran ini amat optimistik, namun kita perlulah mempunyai matlamat yang agak tinggi untuk mendorong kita bekerja dengan lebih keras untuk mencapainya.

Kita perlu melindungi diri daripada bahaya 'rasa taksab akan pertumbuhan', yakni bahaya terlalu asyik dengan peningkatan perangkaan pembangunan tanpa menghiraukan tanggungjawab terhadap kestabilan, mengawal inflasi, memastikan kesinambungan, memajukan mutu kehidupan dan taraf hidup, dan pencapaian matlamat-matlamat sosial yang lain. Tanggungjawab ini amatlah sukar, dengan segala puncak kejayaan dan lurah kegagalannya. Namun saya yakin bahawa tugas ini akan dapat kita laksanakan.

Pada tahun-tahun 1960-an, pertumbuhan tahunan kita adalah pada kadar 5.1 peratus; pada tahun-tahun 1970-an, yakni dalam dasawarsa pertama DEB, Malaysia berkembang dengan kadar purata 7.8 peratus; pada tahun-tahun 1980-an, kerana berlaku kemelesetan, kadar putara pertumbuhan tahunan kita hanyalah 5.9 peratus.

Dalam masa 30 tahun yang lalu, KDNK tahunan sebenar kita meningkat pada kadar purata 6.3 peratus setahun. Dalam masa 20 tahun yang lalu, pertumbuhan kita adalah pada kadar 6.9 peratus setahun. Kita hanyalah memerlukan pertumbuhan tambahan sebesar 0.1 peratus setahun. Insya-Allah, jika kita berpadu tenaga, jumlah tambahan 0.1 peratus ini akan dapat kita capai.

Jika kita berhasil, dan dengan mengandaikan pertumbuhan penduduk kita berlaku pada kadar kira-kira 2.5 peratus setahun, menjelang tahun 2020 rakyat Malaysia akan empat kali ganda lebih makmur (menurut perkiraan sebenarnya) berbanding dengan pada tahun 1990. Demikianlah ukuran masyarakat makmur yang kita harapkan — semoga impian kita tercapai.

Tahap kedua dalam objektif pertumbuhan ekonomi kita adalah pembentukan ekonomi yang mempunyai daya bersaing

an. Ekonomi yang demikian mestilah mampu menyara diri pada jangka panjangnya, dan mestilah bersifat dinamis, tangkas dan mempunyai daya ketahanan. Antara lain, ekonomi tersebut mestilah merupakan:

- ekonomi yang bersifat pelbagai serta seimbang, mempunyai sektor industri yang matang dengan asas yang luas, mempunyai sektor pertanian yang moden dan mantap, selain mempunyai sektor perkhidmatan yang cekap, produktif dan tidak kurang matangnya;

- ekonomi yang tangkas berdiri atas kekuatannya sendiri, mampu melakukan penyesuaian yang segera terhadap pola-pola pengeluaran, permintaan mahupun persaingan yang senantiasa berubah;

- ekonomi yang cekap teknologinya, yang mampu melakukan penyesuaian, pembaharuan dan penciptaan, yang semakin meningkat penerapan teknologinya, dan bergerak ke arah usaha meningkatkan teknologi yang semakin lama semakin canggih;

- ekonomi yang mempunyai jaringan industri yang mantap lagi tersepadu serta yang meliputi keseluruhan sistemnya;

- ekonomi yang digerakkan oleh tenaga otak, kemahiran dan kesungguhan, memiliki satu khazanah maklumat, dan mempunyai pengetahuan tentang apa yang hendak dilakukan serta bagaimana melakukannya;

- ekonomi yang mempunyai daya pengeluaran yang tinggi dan terus meningkat dalam semua bidang faktor pengeluarannya;

- ekonomi keusahawanan yang bersifat berdikari, terbuka dan berdaya usaha;
- ekonomi yang ditunjangi dengan etika kerja yang unggul, kepekaan akan mutu dan kehairahan terhadap kecemerlangan;
- ekonomi yang dicirikan dengan kadar inflasi yang rendah dan kos sara hidup yang juga rendah;
- ekonomi yang dikawal oleh disiplin yang mantap dan oleh tata aturan kuasa-kuasa pasaran.

Sebahagian besar daripada kita yang menganggotai majlis ini kini tidak akan ada lagi ketika matahari menyingsing pada 1 Januari 2020. Saya kira tidak banyak di kalangan kita yang masih ada pada waktu itu nanti. Oleh yang demikian, sebahagian besar tugas yang perlu dilaksanakan — demi menjamin terbentuknya sebuah negara bernama Malaysia yang benar-benar maju dalam masa satu generasi dari sekarang — nyatalah akan dilakukan oleh para pemimpin yang datang selepas kita, yakni oleh generasi anak dan cucu kita. Namun perlulah kita pastikan bahawa kita sendiri telah melaksanakan tanggungjawab menyediakan pedoman bagi mereka dalam mencapai hasrat yang dicita-citakan. Dan marilah kita tegakkan batu asas yang dapat mereka jadikan pangkalan membina masa depan itu.

Beberapa dasar ekonomi sektor awam yang utama untuk beberapa tahun akan datang

Sejak awal tahun-tahun 1980-an, kita telah menekankan bahawa negara ini akan bergantung kepada sektor swasta sebagai penggerak utama pertumbuhan ekonominya. Dari satu segi, kita telah mendahului negara-negara lain di dunia, termasuklah negara-negara maju, dalam menyerahkan pertumbuhan ekonomi kita kepada sektor swasta.

Pada tahun-tahun awalnya, sektor swasta kita yang belum cukup matang itu tidaklah mampu menghadapi cabaran dengan sepenuhnya. Setelah itu, tibalah pula tahun-tahun kemelesetan dan kerosotan ekonomi yang tidak menentu lagi suram. Namun demikian, selama tiga tahun yang lalu sektor swasta kita telah berkembang segar dan bergerak cergas. Dasar tersebut kini telah memperlihatkan kesannya. Sebagai hasilnya: pada tahun 1988 kadar pertumbuhan sebenar negara kita adalah 8.9 peratus; pada tahun 1989 kadarnya 8.8 peratus; pada tahun 1990 kadarnya 9.4 peratus tanpa belanjawan tambahan daripada kerajaan. Ekonomi-ekonomi 'harimau' di Asia Timur Laut sekalipun tidak mengalami

pencapaian yang sedemikian pesat.

Tiada negara yang mampu mengeneppikan sesuatu formula yang ternyata mendatangkan hasil. Dan demikianlah juga negara ini. Untuk tahun-tahun yang mendatang, Malaysia akan terus mendorong sektor swastanya, terus bergantung pada sektor tersebut sebagai jentera pertumbuhannya yang utama.

Sementara itu, pihak kerajaan akan terus mengurangkan peranannya dalam bidang pengeluaran ekonomi dan perdagangan. Negara tentulah tidak dapat menarik diri sepenuhnya daripada kehidupan ekonomi di Malaysia. Negara ini tidak akan lari daripada tanggungjawabnya mengawasi dan menyediakan rangka dasar perundangan dan peraturan sebagai wadah pembangunan ekonomi dan sosial yang pesat.

Kerajaan akan bertindak giat untuk memastikan terdapatnya pengurusan belanjawan dan kewangan yang sihat, dan ekonomi Malaysia yang berfungsi dengan lancar. Kerajaan akan mempertingkatkan pembangunan prasarana fizikal yang seperlunya dan suasana perdagangan yang sebaik mungkin — sesuai dengan keutamaan-keutamaan lainnya dari segi pembangunan sosial. Dan dalam keadaan-keadaan yang perlu, kerajaan tidak akan terikat semata-mata kepada hasrat untuk mengundurkan diri daripada peranan ekonomi, sehingga sama sekali tidak mahu campur tangan dalam bidang tersebut. Kerajaan akan memainkan peranannya dengan penuh kebijaksanaan dan dengan giat.

Proses deregulasi akan diteruskan. Tidaklah dapat disangsikan bahawa peraturan-peraturan merupakan bahagian yang penting daripada susunan sesebuah masyarakat, dan ekonomi merupakan sebahagian daripada susunan itu. Sebuah negara yang tidak mempunyai undang-undang dan peraturan pastilah akan diancam oleh keadaan huru-hara. Tanpa aturan, perdagangan tidak akan berkembang, dan pembangunan tidak akan berlaku. Yang tidak diingini hanyalah peraturan yang terlalu mengongkang, meskipun tidak mudah untuk memastikan pada tahap manakah peraturan-peraturan kerajaan dapat dikatakan terlalu mengongkang.

Nyatalah bahawa kebijaksanaan diperlukan bagi membezakan undang-undang dan peraturan yang mendatangkan manfaat terhadap objektif-objektif pertumbuhan masyarakat daripada undang-undang dan peraturan yang tidak bermanfaat; dan kebijaksanaan juga diperlukan bagi mencapai keputusan yang wajar dalam mempertimbangkan untung rugi antara kedua-duanya itu. Oleh yang demikian, kerajaan tidak akan bertindak secara yang tidak bijaksana dan tidak bertanggungjawab, dan akan memper-

timbangkan keperluan masyarakat umum di samping berusaha mencapai pertumbuhan yang pesat dan terbentuknya ekonomi yang mampu bersaing, tangkas dan mempunyai daya ketahanan. Kerajaan akan bertindak dengan berpandukan keyakinan bahawa membebaskan daya usaha — selain membuat undang-undang dan peraturan, dan melakukan campur tangan negara — juga dapat membantu usaha mencapai objektif-objektif sosial yang lebih luas. Berdasarkan andaian ini, dan berdasarkan hakikat bahawa ada bidang-bidang peraturan yang jelas tidak mendatangkan manfaat dan perlu diku-

rangkan, dapatlah dijangkakan bahawa proses deregulasi yang mendatangkan manfaat akan diteruskan. Langkah Bank Negara baru-baru ini menghapuskan peraturan bagi rejim KPA merupakan salah satu contoh yang baik.

Dasar penswastan akan terus menjadi tunggak utama strategi pembangunan negara dan kecekapan negara kita. Dasar ini tidaklah bertunjangan sebarang ideologi. Tujuan khususnya adalah untuk mempertingkatkan daya persaingan, kecekapan dan daya pengeluaran ekonomi, untuk mengurangkan beban pentadbiran dan kewangan yang ditanggung oleh kerajaan, dan untuk mempercepatkan tercapainya matlamat negara tentang pengagihan kekayaan.

Dalam melaksanakan dasar penswastan, kerajaan amatlah peka akan betapa perlunya kepentingan awam dilindungi, untuk memastikan bahawa golongan yang miskin akan memperoleh perkhidmatan-perkhidmatan asas, untuk menjamin bahawa perkhidmatan yang bermutu disediakan dengan kos yang serendah-rendahnya, untuk menghindarkan amalan-amalan monopoli yang tidak bermanfaat, dan untuk memastikan bahawa kebajikan para pekerja dibela.

Pastilah akan terdapat pelbagai masalah. Setiap usaha yang dilaksanakan me-

nuntut harga yang tertentu. Namun, nyatalah bahawa dasar ini sehingga kini telah mendatangkan kesan yang positif, dan pelaksanaannya dijangkakan akan ditingkatkan pada masa hadapan. Dengan selesainya Kajian Pelan Induk Penswastan, saya yakin sebahagian besar hambatan dan kongkongan yang menghalang perkembangan langkah, penswastan yang diperlukan itu akan dapat dihapuskan, dan pelaksanaannya yang lebih lancar akan dapat ditingkatkan.

Dalam beberapa tahun yang akan datang Peningkatan Daya Usaha Perindustrian akan dilaksanakan, yakni satu daya usaha yang bukan didasarkan pada ketaksuban akan industri tetapi semata-mata pada hakikat bahawa jika sekiranya kita hendak mencapai kemajuan yang pesat — selaras dengan keadaan pertumbuhan ekonomi-ekonomi maju yang akan berginjak-dari tahap industri ke tahap pasca-industri — maka inilah sahaja caranya kita harus bertindak. Jika kita ingin mempertingkatkan perindustrian dengan cepat, maka perlulah kita memanfaatkan kekuatan-kekuatan kita dan dengan cekal mengatasi kelemahan-kelemahan kita.

Dalam melaksanakan dasar ini, kerajaan perlulah mengatasi masalah asas perusahaan pembuatan negara ini yang sempit. Pada tahun 1988, 63 peratus daripada keseluruhan barang eksport buatan Malaysia dihasilkan oleh industri-industri elektrik dan elektronik, dan tekstil. Industri elektronik menghasilkan 50 peratus daripada keseluruhan bahan eksport kita. Industri kita perlulah dipelbagaikan.

Meskipun perkembangan yang amat pesat terjadi di zon-zon perdagangan bebas, namun permintaan yang dihasilkan terhadap hasil-hasil perantara tempatan amatlah kecil. Perlulah kita berusaha mengatasi masalah rangkaian industri yang lemah ini.

Perkembangan teknologi tempatan tidaklah memuaskan. Amat sedikit terdapat penambahan-nilai, dan terlalu banyak pemasangan dan proses pengeluaran yang mudah. Selain itu, kita juga perlu mengatasi masalah kos pengeluaran yang semakin meningkat — yang disebabkan oleh meningkatnya kos tenaga buruh, bahan mentah dan pengendalian — dengan mempertingkatkan kecekapan dan daya pengeluaran. Terdapat masalah kekurangan tenaga mahir yang agak teuk. Semua masalah tersebut, dan beberapa masalah lainnya, perlulah kita selesaikan.

Industri-industri kecil dan sederhana (IKS) mempunyai peranan penting dalam menyediakan peluang-peluang pekerjaan, dalam memperkukuh jaringan-jaringan industri, dalam memasuki pelbagai

pasaran dan mempertingkatkan pendapatan eksport. Industri-industri itu juga memainkan peranan penting sebagai gelanggang tempat melahirkan para pengusaha masa hadapan.

Kerajaan akan menggubal skim-skim bantuan yang sesuai dan akan berusaha mempertingkatkan kepakaran pengurusan, pengetahuan dan kemahiran teknologi para pekerja dalam sektor ekonomi kita yang amat penting, tetapi agak terbiar dari pelbagai segi itu.

IKS akan merupakan salah satu tunggak utama dalam usaha memantapkan industri kita pada masa hadapan. Kerajaan akan berusaha bersungguh-sungguh memastikan perkembangannya yang sihat.

Sebagaimana kita telah mempelbagaikan hasil-hasil yang dieksport, maka kita juga akan mempelbagaikan pasaran yang menjadi sasaran eksport tersebut. Para pengkesport Malaysia mestilah juga mengarahkan pandangannya kepada pasaran-pasaran yang belum diterokai. Usaha ini memerlukan pengetahuan baru, jaringan-jaringan baru, hubungan-hubungan baru dan pendekatan baru bagi menghadapi undang-undang, syarat serta peraturan yang belum kita kenali selama ini. Kita mungkin akan berasa kurang selesa, namun anggapan bahawa tidak ada faedahnya bersusah payah untuk menerokai pasaran-pasaran tersebut hanya akan merugikan kita sendiri. Secara tersendiri, tiap satu pasaran tersebut mungkin agak kecil. Namun secara keseluruhannya pasaran di negara-negara Asia, Afrika dan Amerika Latin yang sedang membangun itu amatlah besar. Jika negara-negara maju sanggup bersusah payah mengeksport barangan ke pasaran-pasaran tersebut, maka tentulah wajar bagi kita juga untuk berbuat demikian. Kerajaan akan menghulurkan bantuan, tetapi sektor swasta perlulah pula memainkan peranannya. Pergantungan pada pertumbuhan yang dipelopori eksport masih lagi merupakan cara untuk mencapai pertumbuhan ekonomi yang pesat.

Dengan memasuki pasaran dunia, syarikat-syarikat kita akan bersaing dengan semua peserta dan akan terlibat sepenuhnya dalam aturan persaingan antarabangsa. Kita perlu menghadapi cabaran ini, bukan semata-mata kerana pasaran dalam negeri kita terlalu kecil tetapi kerana pada jangka panjangnya penyertaan itu akan memperkaya pasaran tempatan kita dan mengurangkan pergantungan kita kepada eksport.

Kita perlu meneruskan pertumbuhan yang dipelopori eksport, meskipun terdapat kemelesetan ekonomi sedunia, meskipun dasar perlindungan, blok-blok perdagangan dan perdagangan terkawal semakin berleluasa. Tidaklah ada pilihan

lain bagi kita selain daripada lebih berhemat, lebih berusaha, lebih produktif dan secara umumnya lebih mampu bersaing, dan lebih sanggup menghadapi dunia.

Dasar liberal ekonomi Malaysia telah mendatangkan manfaat dan telah memberikan sumbangan terhadap pertumbuhan yang lebih dinamis.

Nyatalah bahawa dasar liberal itu perlu dilaksanakan dengan bertanggungjawab dan setingkat demi setingkat, supaya tidak terjadi ketidakpastian ekonomi dan penyesuaian struktur yang terlalu memudaratkan. Kemampuan Malaysia melaksanakan dasar liberal perlulah kita ber-

ikan perhatian yang sepenuhnya. Kita tidak boleh menolak begitu sahaja hujah tentang industri yang masih muda, tetapi kita juga tidak boleh mengalah kepada tekanan yang tidak sah.

Sementara itu, dasar liberal yang produktif akan memastikan bahawa sektor swasta kita tidak akan begitu bergantung pada keuntungan-keuntungan palsu dan perlindungan, yang mendatangkan manfaat hanya kepada pengeluar-pengeluar tertentu tetapi merugikan para pengguna dan para pengeluar lainnya. Yang muda mestilah menjadi dewasa - menjadi orang dewasa yang tegap lagi perkasa. Dan pertumbuhan yang demikian tidaklah akan terjadi jika orang itu terlalu dilindungi.

Kerana sebab-sebab yang nyata, kerajaan akan terus mendorong aliran masuk modal asing. Langkah ini amatlah penting bagi peningkatan daya usaha perindustrian. Sekali lagi, kita tidak akan mengenyepikan satu strategi yang ternyata telah mendatangkan hasil. Akan tetapi, kita akan membuat penyesuaian yang seperlunya untuk memastikan bahawa langkah-langkah yang sesuai dilaksanakan untuk menjamin bahawa Malaysia memperoleh manfaat yang sebesar-besarnya daripada aliran masuk pelaburan asing itu.

Pada masa lalu, sektor swasta dalam negeri biasanya gagal mencapai matlamat yang telah ditetapkan oleh beberapa rancangan Malaysia. Ternyata bahawa para pelabur setempat merasa bahawa kerajaan tidak melaksanakan usaha yang secukupnya bagi mendorong pelaburan tempatan, sebagaimana yang telah dilakukan terhadap pelaburan dari luar negeri. Pandangan ini tidaklah tepat seluruhnya, namun kita tetap akan mengambil tindakan untuk membetulkan keadaan setelah terdapat maklumbalas yang lebih lengkap nanti.

Syarikat-syarikat berjangka kecil dan sederhana mestilah diberi bantuan agar membesar. Tabungan lebihan dan modal setempat mestilah disalurkan secara yang lebih produktif untuk dijadikan pelaburan. Para usahawan mestilah diasuh. Di mana perlu, bantuan teknologi dan latihan mestilah diberikan; dan sokongan prasarana hendaklah disediakan.

Wajarlah ditekankan sekali lagi bahawa pembangunan yang kita perlukan tidak mungkin terlaksana tanpa tunjangan prasarana. Kita mestilah senantiasa berada satu langkah di hadapan permintaan dan keperluan. Dalam belanjawan yang terbaru, kita dengan jelasnya menghuraikan apa yang akan kita lakukan dalam jangka pendeknya. Rancangan Malaysia Keenam akan menghuraikan apa yang akan kita lakukan dalam jangka sederhana, sedangkan Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua akan memperlihatkan arah pertumbuhan kita dalam jangka panjangnya. Kerajaan menyedari sepenuhnya tentang kesesakan-kesesakan prasarana dan betapa pelaburan-pelaburan yang besar diperlukan dalam masa beberapa tahun yang akan datang. Kita tidak akan membiarkan pertumbuhan terbantu oleh kesesakan besar dan kemacetan pelaburan, sebagaimana yang terjadi di kebanyakan negara.

Dalam usaha kita mengorak langkah ke hari muka dengan penuh bertenaga, tidaklah ada unsur yang lebih penting daripada pembangunan sumber tenaga manusia.

Daripada pengalaman ekonomi yang menakjubkan selama dua dasawarsa yang lalu di kalangan semua negara yang dulunya terbatas 'sumber alamnya', maka amatlah jelas bahawa sumber yang paling utama bagi sesebuah negara adalah bakat, kemahiran, daya cipta dan daya usaha rakyatnya. Apa yang ada di antara sepasang telinga kita, yang terletak di bahu dan di hati kita adalah jauh lebih penting daripada apa yang ada di bawah tapak kaki dan di sekitar kita. Rakyat adalah sumber kita yang utama. Tanpa ragu-ragu lagi, pada tahun 1990-an dan seterusnya Malaysia mestilah memberikan perhatian yang sepenuhnya ter-

hadap pembangunan sumber yang amat penting ini.

Malaysia mempunyai salah satu sistem pendidikan yang terbaik di Dunia Ketiga. Namun sebagai bekal kita mengharungi perjalanan pada generasi yang kedua ini, piawai yang baru hendaklah ditetapkan dan matlamat baru hendaklah dicapai.

Kita mestilah mempunyai hasrat untuk mencapai taraf yang setinggi-tingginya dari segi keterampilan para rakyat kita, dari segi penghargaan mereka akan kemahiran dan pengetahuan serta kemajuan diri, dari segi kemampuan berbahasa, dari segi sikap mereka terhadap kerja dan disiplin, dari segi motivasi mereka terhadap pencapaian, sikap mereka terhadap kecemerlangan dan terhadap mendorong semangat keusahawanan.

Kita tidaklah harus melupakan betapa pentingnya keusahawanan dan pertumbuhan keusahawanan yang tidak dibatasi semata-mata pada latihan dan pendidikan. Kita mestilah memastikan bahawa terdapat satu adunan yang seimbang antara golongan profesional, separa-profesional dan ahli ketukangan, selain terdapatnya imbalan yang wajar antara orang-orang yang mempunyai kemahiran dalam bidang sains dan teknologi, sastera dan ilmu-ilmu sosial.

Sikap betul

Dalam pembangunan sumber tenaga manusia, kita tidaklah harus mengabaikan separuh jumlah penduduk kita, yakni golongan bumiputera. Jika golongan ini tercicir, jika kemungkinan-kemungkinan yang ada pada mereka tidak diperkembangkan, jika mereka dibiarkan menjadi rintangan terhadap pertumbuhan kebangsaan kita, maka kemajuan kita pastilah akan pincang. Tidak ada negara bangsa yang dapat mencapai kemajuan dengan hanya memanfaatkan separuh sumber tenaga manusianya. Apa yang kini dianggap satu beban akan dapat dijadikan tenaga untuk menolong meringankan beban kita dan mempercepat pertumbuhan kita, asalkan kita mempunyai sikap yang betul dan cara pengurusan yang wajar. Golongan-golongan bumiputera mestilah memainkan peranan mereka yang sepenuhnya dalam upaya mencapai cita-cita kebangsaan ini.

Inflasi merupakan musuh bagi semua para perancang ekonomi. Mujurlah Malaysia telah berjaya mengawal inflasinya, kecuali pada waktu berlakunya kejutan harga minyak yang pertama apabila inflasi meningkat ke kadar 17 peratus. Kita mestilah terus berusaha mengawal kadar inflasi. Kerajaan, sektor perdagangan, dan rakyat umum mestilah berusaha mengawal inflasi. Jika kita tidak mampu membeli sesuatu, kita tidaklah harus

membelinya. Di Malaysia hal ini bukanlah mustahil, kerana kita boleh dikatakan dapat menghasilkan apa sahaja yang diperlukan untuk makanan, perlindungan dan pakaian. Ketika kita mengalami ke-melesetan baru-baru ini, kehidupan kita tidaklah begitu sukar kerana kita dapat membeli segala keperluan dengan harga yang tidak begitu berubah, yakni kita bolehlah dikatakan tidak mengalami inflasi. Oleh kerana kita kini telah mempunyai wang yang agak lebih, maka daya permintaan mulailah menyebabkan harga naik. Oleh yang demikian, meskipun kita lebih makmur kini, meskipun kita lebih

berwang kini, namun dari segi daya membeli keadaan kita sebenarnya tidaklah begitu mantap.

Rakyat umum mestilah memahami sebab-sebab berlakunya inflasi, dan mestilah cukup berdisiplin untuk mengatasinya. Di setengah-setengah negara, apabila kadar inflasi meningkat beberapa ribu peratus setahun, kerajaan-kerajaan yang silih berganti tidaklah dapat mengawal kadar inflasi. Sebabnya ialah rakyatnya tidak cukup berdisiplin dan tidak bersedia mengawal diri mereka sendiri. Kerajaan tidak akan mampu menghapuskan inflasi, melainkan rakyatnya bersedia menanggung kesukaran kerana langkah berjimat cermat.

Dalam usaha menentang inflasi, tidaklah ada senjata yang lebih berkesan daripada rakyat yang berpendidikan dan berdisiplin.

Dalam perdagangan dunia yang dicirikan oleh hubungan saling pergantungan, kadar pertukaran wang memainkan peranan penting. Mata wang yang terlalu rendah nilainya akan mempertingkatkan bayaran import dan pembayaran hutang, tetapi eksport akan lebih mampu bersaing. Namun demikian, manfaat sepenuhnya kadar pertukaran yang rendah terhadap eksport boleh terjejas oleh harga bahan-bahan import yang digunakan

dalam pengeluaran bahan-bahan eksport. Nilai mata wang yang tinggi akan 'memperkaya' rakyat kita, terutamanya dari segi pembelian barang-barang mewah yang diimport, namun barang-barang eksport kita tidak akan mampu bersaing dan akhirnya eksport kita akan terjejas.

Nyatalah bahawa pengurusan kadar pertukaran amatlah penting bagi kemajuan negara kita. Kemampuan kita untuk menentukan kadarnya amatlah terbatas. Akhirnya, cara kita mengimbangi perdagangan kitalah yang akan menentukan nilai mata wang kita. Malaysia mestilah belajar bersaing melalui daya pengeluaran yang ditingkatkan, bukannya dengan mencuba mengatur kadar pertukaran. Sekali lagi, rakyat perlu memahami peranan mereka, terutamanya peranan yang berhubung dengan daya pengeluaran.

Dalam dunia yang berteknologi tinggi, Malaysia tidak boleh ketinggalan. Kita tidak akan dapat menjadi negara barisan hadapan dalam perkembangan teknologi moden, namun kita mestilah senantiasa berusaha supaya tidak tercicir sekurang-kurangnya dalam bidang-bidang yang kita kuasai. Kita telah menggubal sebuah Rancangan Kebangsaan Bagi Pembangunan Teknologi Industri. Tugas menggubal ini amatlah mudah. Sekarang perlulah pula kita bergerak dengan ceka menghadapi tugas berat melaksanakan rancangan tersebut.

Kerajaan pastilah akan bersikap terlibat dan memberikan kepimpinan yang diperlukan oleh usaha yang bersifat kebangsaan itu. Prasarana berbentuk institusi dan sokongan akan disediakan demi memastikan bahawa kemampuan teknologi kita akan berkembang dengan giat realistik, terpusat serta berdasarkan dorongan pasaran. Namun demikian, haruslah senantiasanya diingat bahawa teknologi bukanlah untuk makmal, tetapi untuk kilang dan pasaran. Sektor swasta dan rakyat mestilah bertindak. Tindakan terlalu sering berlaku bahawa hasil-hasil penyelidikan tidak diendahkan, dan cara-cara lama yang pasti mendatangkan untung terus sahaja diterapkan. Pernah dinyatakan bahawa rahsia kejayaan Jepun ialah kemahirannya mengolah hasil penyelidikan untuk dijadikan barangan yang dapat dipasarkan. Jika kita tidak berbuat demikian, pastilah kita akan tercicir walau betapa tinggi sekalipun tahap teknologi kita.

Di samping memperbesar sektor pembuatan dalam industri kita, Malaysia mestilah berusaha memastikan bahawa sektor-sektor pertanian dan perkhidmatan kita tidak diabaikan. Kita mestilah berusaha untuk menjadi lebih cekap moden dan mempunyai daya persaingan. Inilah yang harus dijadikan prinsip-prinsip utama yang memandu dasar negara kita tentang pertanian, pelancongan dan

pembangunan menyeluruh sektor perkhidmatan.

Kita juga tidak harus mengabaikan sektor luar bandar dalam ekonomi dan masyarakat kita. Dalam beberapa tahun yang akan datang, kita mestilah berusaha melaksanakan transformasi pembangunan luar bandar yang kedua, menyusun kembali struktur desa-desa supaya sesuai dengan pertanian mahupun industri moden. Para petani yang lebih kecil jumlahnya mestilah mengeluarkan bahan makanan yang lebih besar jumlahnya, dan dengan itu melepaskan sebahagian tenaga manusia untuk pembentukan sebuah masyarakat industri.

Di samping melakukan segalanya itu, kita mestilah juga berusaha memastikan bahawa sumber alam kita yang amat berharga itu tidak dibazirkan. Tanah kita mestilah terus bersifat produktif serta subur, alam sekitar kita mestilah cerah dan bersih, air kita tidak tercemar, sumber hutan kita tidak pupus dan dapat menghasilkan segala keperluan pembangunan negara kita. Keindahan bumi kita tidaklah harus dimusnahkan — demi menjaga keindahan itu sendiri dan demi meningkatkan pertumbuhan ekonomi.

Memandangkan kita kini berada dalam zaman maklumat, maka masyarakat Malaysia mestilah kaya dari segi maklumat. Tentulah bukan satu kebetulan bahawa pada waktu ini tidak ada negara kaya dan maju yang miskin maklumatnya, dan tidak ada pula negara yang kaya maklumatnya yang miskin lagi mundur.

Pada satu masa dahulu, tanahlah yang menjadi asas kemakmuran dan kekayaan yang utama. Setelah itu datanglah gelombang kedua, yakni gelombang zaman perindustrian. Cerobong-cerobong asap terdiri di tanah-tanah yang dulunya ditani. Semakin lama pengetahuan semakin menjadi asas kekuasaan, selain merupakan asas kemakmuran. Sekali lagi kita tidak harus ketinggalan. Kini, orang Malaysia adalah antara yang paling banyak menggunakan komputer di rantau ini. Untuk berkembang dan maju kita perlulah mempunyai pengetahuan menggunakan komputer. Kita mestilah berusaha bersungguh-sungguh untuk melahirkan sebuah masyarakat Malaysia yang kaya dari segi maklumat.

Dalam hubungan antarabangsa, peneakanan tidak harus diberikan terhadap kepentingan-kepentingan ekonomi. Meskipun negara kita kecil, namun kita mestilah berusaha mempengaruhi perdagangan antarabangsa. Untuk memungkin pertumbuhan, kita mestilah mengeksport. Pasaran dalam negeri kita terlalu kecil. Amatlah penting bagi kita mempertahankan perdagangan bebas. Kecenderungan terhadap pembentukan blok-blok perdagangan akan mengancam kemajuan kita, dan kita hendaklah me-

mentangnya. Oleh yang demikian, kita mestilah memainkan peranan kita, dan tidak menyerah begitu sahaja kepada kehendak negara-negara kuat yang mungkin tidak sedar tentang kesan keputusan yang diambilnya terhadap kita.

Sebuah negara yang tidak mempunyai keupayaan pertahanan ekonomi yang secukupnya, dan tidak berdaya pula mengemblem pengaruh dan membentuk perikatan-perikatan dalam arena ekonomi antarabangsa, merupakan negara yang lemah dan tidak mempunyai daya ketahanan ekonomi. Malaysia tidaklah sanggup menjadi negara yang demikian.

Terdapat pelbagai dasar lain yang mesti dilaksanakan jika kita hendak menjadikan tahun-tahun 1990-an ini dasawarsa yang paling produktif ekonominya dalam sejarah kita. Biarlah saya akhiri perbincangan ini dengan menyebut hanya seperkara lagi: Gagasan Persyarikatan Malaysia perlulah dijadikan realiti yang nyata.

Biarlah saya tekankan bahawa bukan semua kerjasama antara sektor awam dan sektor swasta wajar dan berfaedah. Dalam beberapa bidang, kita haruslah berjauhan. Namun, tidaklah disangsikan bahawa satu perkongsian yang produktif akan mempercepatkan pergerakan kita ke arah tercapainya cita-cita.

Apa yang dapat disumbangkan oleh sektor swasta

Saya telah menghuraikan apa yang saya anggap dasar-dasar ekonomi utama yang mesti dilaksanakan untuk mempergiat usaha kita mencapai kemakmuran dan membentuk ekonomi yang mempunyai daya persaingan. Izinkanlah saya kini memperkatakan tentang peranan yang harus dimainkan oleh sektor swasta.

Negara ini tidaklah dapat mengharap-kan sektor swasta menjadi penggerak pertumbuhan jika sekiranya sektor ini

tidak cekap dan tidak bermaya. Anda mestilah kuat dan dinamis, tangkas dan berdikari, mahir dan ikhlas.

Malaysia tidak mungkin bertindak mengendurkan peraturan-peraturan jika para pengusaha bank akhirnya berkelakuan seperti perampok, jika sekiranya kebebasan yang diberikan kepada para pengusaha semata-mata dijadikan surat izin untuk memeras tanpa rasa tanggungjawab sosial. Syarikat-syarikat kita mestilah mempunyai rasa tanggungjawab korporat yang tinggi. Perjuangan kita untuk mencapai keadilan sosial — yakni untuk mempertingkatkan kedudukan dan daya persaingan golongan bumiputera, dan objektif-objektif sosial lainnya — mestilah juga menjadi perjuangan anda.

Penswastaan tidaklah harus dilaksanakan jika hasratnya dicemar oleh mereka yang hanya memikirkan kepentingan peribadinya, tanpa memikirkan tanggungjawab sosial. Peningkatan Daya Usaha Perindustrian dan usaha memperkembangkan perusahaan kecil dan sederhana yang lebih giat mestilah digerakkan dengan daya usaha para usahawan kita. Mereka mestilah mampu berfikir secara jangka panjang, meneroka pasaran-pasaran dunia yang mencabar. Usaha menarik pelaburan asing tidaklah harus menjadi tanggungjawab kerajaan semata-mata. Sektor swasta juga hendaklah melibatkan para pelabur asing itu dalam perkongsian dan usahasama yang saling menguntungkan, kerana perkongsian ini akan menyerapkan mereka secara lebih menyeluruh ke dalam ekonomi Malaysia. Dan tanggungjawab para pelabur tempatan tentulah lebih besar daripada rakan-rakan asingnya, kerana Malaysia adalah negara kita, bukan negara mereka. Kita boleh menuntut pengorbanan terhadap negara ini daripada diri kita sendiri, tetapi kita tidak boleh mengharap pengorbanan yang sama daripada orang asing.

Dalam pembangunan sumber tenaga manusia, sektor swasta mempunyai peranan yang paling utama. Latihlah tenaga kerja anda sendiri. Sediakanlah mereka untuk tugas yang senantiasa berubah. Lindungilah kebajikan mereka. Pertingkatkanlah kemahiran mereka. Uruslah mereka dengan baik. Dan berikanlah ganjaran sewajarnya bagi sumbangan yang mereka berikan.

Nyatalah bahawa banyak yang dapat dilakukan oleh setiap orang. Malangnya, tidak ada satu formula yang mudah untuk membangun sesebuah negara. Begitu banyak tugas yang harus dilaksanakan oleh begitu ramai orang. Dan segalanya mesti dilakukan dengan cara yang setepat mungkin. Kita mestilah sanggup mengkritik diri sendiri dan sanggup pula membetulkan kesalahan. Insyaa-Allah, kita akan berjaya. — *Dipetik dari Negarawan*

Wawasan 2020

(Petikan Ucapan YAB Perdana Menteri
Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad)

PENDAPATAN LEBIH BAIK

"MATLAMAT untuk mencapai negara maju pada tahun 2020 bukan semata-mata daripada segi pencapaian perindustrian yang tinggi tetapi juga untuk memastikan rakyat dapat menikmati kehidupan yang lebih baik.

"Keamanan dan kestabilan pada masa ini membolehkan negara terus mengalami pertumbuhan ekonomi yang menggakulkan.

"Pertumbuhan ekonomi telah melebihi 8 peratus dalam tempoh empat tahun berturut-turut.

"Keadaan ini wujud kerana kerajaan yang kukuh dan stabil dan rakyat berbilang kaum pula sentiasa mengekalkan semangat perpaduan dan bersatu padu.

"Tahun 1991 amat penting bagi negara kerana pada tahun ini kerajaan akan membentangkan rangka rancangan jangka panjang (O.P.P) yang ke-2 yang mengandungi dasar pembangunan baru serta Rancangan Malaysia Ke-6 (R.M.K.).

"O.P.P yang dirangka akan memandu pembangunan negara dalam dekad yang akan datang iaitu tahun 1991 hingga tahun 2000 dengan lebih berkesan.

"Melalui dasar ini, kerajaan akan melaksanakan program-program bagi mencapai pembangunan ekonomi yang seimbang supaya wujud satu masyarakat yang lebih bersatu dan adil."

(Ketika menyembah ucapan tahniah bagi pihak kerajaan dan rakyat pada istiadat pengurniaan darjah-darjah kebesaran dan bintang-bintang sempena Hari Keputeraan Yang di-Pertuan Agong di Istana Negara pada 5 Jun).

TANGGUNGJAWAB WAB BELIA

"GOLONGAN belia di negara ini mempunyai tanggungjawab penting bagi memastikan Malaysia mencapai taraf negara maju dalam tempoh 30 tahun dari sekarang.

"Wawasan 2020 lebih tertumpu kepada golongan belia dan kejayaan program-program tersebut akan lebih bergantung kepada keupayaan belia-belie.

"Jika program Wawasan 2020 berjaya, para belialah yang akan menikmatinya dan jika gagal, para belialah yang akan rugi.

"Wawasan 2020 hanya akan tinggal wawasan yang tercatat dalam akhbar jika program yang diatitkan gagal mencapai matlamatnya.

"Para belia hendaklah menyusun langkah secara tertib ke arah matlamat tersebut dan yakin bahawa usaha yang dibua adalah untuk kebaikan.

"Semua kaum mesti bekerja keras dan tidak harus lemah semangat atau malas."

(Ketika melancarkan 'Program Induk Belia Negara (PIBN) sempena perhimpunan Hari Belia di Stadium Kubu pada 31 Mei).

PERPADUAN NEGARA

"MASYARAKAT berbilang kaum negara ini perlu mengurangkan penekanan atau penonjolan aspek-aspek yang membezakan kaum-kaum di Malaysia.

"Rakyat hendaklah menumpukan perhatian kepada aspek-aspek persamaan yang terdapat antara kaum bagi mempromosikan perpaduan yang lebih erat.

"Sesuatu kaum boleh memelihara ide titinya tetapi tidak boleh menekankan atau membesar-besarkan perkara itu.

"Sebenarnya semua kaum di negara sudahpun menyerap aspek-aspek kebudayaan dari kaum-kaum lain.

"Janganlah kita sengaja menghapuskan apa yang telah diserapkan ini kerana ingin mengasingkan diri.

"Walaupun negara memperoleh kejayaan yang boleh dibanggakan daripada segi perpaduan, namun banyak lagi yang perlu dilakukan oleh semua pihak untuk membina satu bangsa Malaysia yang benar-benar bersatu menjelang tahun 2020.

"Perpaduan rakyat tidak bermakna bahawa kebudayaan, agama, bahasa-bahasa kaum dan suku kaum dihapuskan tetapi adalah penting kita memiliki satu bahasa kebangsaan dan satu budaya yang istimewa bagi bangsa dan negara ini."

(Ketika merasmikan mesyuarat Perhimpunan Penasihat Perpaduan Negara di Casa Sri Negara pada 27 Mei).

KAMPUNG JADI BANDAR

"MENJELANG tahun 2020, kerajaan akan beri tumpuan kepada pembangunan kampung-kampung kerana ia menjadi asas kepada perbandaran negara.

"Kejayaan tidak akan bermakna jika ia hanya tertumpu di bandar sahaja sedangkan kampung tidak berubah.

"Tidak ada kampung, tidak ada bandar dan kita mahu kampung-kampung juga dibangunkan supaya sama setaraf dengan sebuah kampung dalam negara maju.

"Kita juga mahu dalam tahun 2020, kampung menjadi bandar kecil dan bandar menjadi bandaraya.

"Kerajaan akan terus berusaha untuk melihat penduduk kampung hidup selesa sebagai rakyat negara yang merdeka dan maju.

"Kalau kita ikut rancangan yang disusun oleh kerajaan, insya-Allah pada tahun 2020 di kampung-kampung hanya akan ada rumah batu, kedai yang cantik-cantik dan kemudahan yang sempurna. Selain itu pendapatan rakyat juga mencukupi."

(Ketika melancarkan program Kampungku di Kampung Jimah Baru, Port Dickson 26 Mei)